



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 05/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGEMASKINIAN GARISPANDUAN LANGKAH PERSEDIAAN DAN PENCEGAHAN
JANGKITAN CORONAVIRUS (COVID-19)
BAGI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Jabatan Perdana Menteri mengemaskinkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 01/2020 dan bilangan 03/2020 mengenai langkah-langkah persediaan dan pencegahan jangkitan Coronavirus (COVID-19) yang perlu dilaksanakan selaras dengan penelitian semula pihak Kementerian Kesihatan ke atas risiko negara-negara terjejas seperti berikut:-

1. **Mesyuarat, Seminar dan seumpamanya dan kembali daripada bercuti dari luar negeri**
 - 1.1 **Kawasan-Kawasan Dan Negara-Negara Dengan Tegahan Perjalanan**
 - a. Warga Perkhidmatan Awam adalah dilarang untuk membuat sebarang perjalanan ke kawasan-kawasan dan negara-negara yang dikategorikan sebagai kawasan-kawasan dan negara-negara yang ditegah untuk membuat perjalanan. Setakat ini, kawasan-kawasan dan negara-negara yang di bawah kategori ini adalah wilayah-wilayah **Hubei, Zhejiang dan Jiangsu di Republik Rakyat China, Republik Islam Iran dan Itali.**
 - b. Mana-mana Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) hendaklah menanggukkan sebarang jemputan atau undangan kepada sesiapa yang berkunjung daripada kawasan-kawasan dan negara-negara di bawah kategori ini.
 - c. Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang sakit dan sedang berada di kawasan-kawasan dan negara-negara di bawah kategori ini adalah dinasihatkan untuk menanggukkan kepulangan mereka ke Negara Brunei Darussalam dan adalah dikehendaki untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di negara-negara berkenaan untuk tindakan selanjutnya. }



- d. Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang kembali dari kawasan-kawasan dan negara-negara di bawah kategori ini dalam tempoh masa 14 hari sebelum tiba ke Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menjalani **kuarantin selama 14 hari di pusat-pusat pengasingan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan** sebaik saja tiba di Negara Brunei Darussalam dengan pengesahan dan menurut garis panduan Kementerian Kesihatan. Tempoh 14 hari ini tidak akan ditolak daripada hak kelayakan cuti tahunan, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak Kementerian Kesihatan.

1.2 **KATEGORI A - Negara-Negara Yang Menunjukkan Penularan Jangkitan Yang Berterusan**

- a. Warga Perkhidmatan Awam hendaklah **menangguhkan** daripada membuat perjalanan **yang tidak penting** ke negara-negara yang menunjukkan penularan jangkitan yang berterusan iaitu **Mainland China (selain daripada wilayah-wilayah Hubei, Zhejiang dan Jiangsu) dan Republik Korea**.
- b. Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang sakit dan sedang berada di *Mainland China* dan Republik Korea adalah dinasihatkan untuk menangguhkan kepulangan mereka ke Negara Brunei Darussalam dan adalah dikehendaki untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di negara-negara berkenaan untuk tindakan selanjutnya.
- c. Mana-mana Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) hendaklah menangguhkan sebarang jemputan atau undangan kepada sesiapa yang berkunjung daripada **Mainland China dan Republik Korea**.
- d. Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang kembali dari *Mainland China* (selain daripada wilayah-wilayah Hubei, Zhejiang dan Jiangsu) dan Republik Korea dalam tempoh masa 14 hari sebelum tiba di Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menjalani **pengasingan diri (self-isolation) selama 14 hari** sebaik saja tiba di Negara Brunei Darussalam dengan pengesahan dan menurut garis panduan Kementerian Kesihatan. Tempoh 14 hari ini tidak akan ditolak daripada hak kelayakan cuti tahunan, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak Kementerian Kesihatan.



1.3 **KATEGORI B - Negara-Negara Yang Menunjukkan Penularan Jangkitan Yang Terhad Tetapi Dilaporkan Mempunyai Kluster Bersaiz Besar (Perancis, German, Hong Kong, Jepun dan Republik Singapura)**

DAN;

KATEGORI C - Negara-Negara Lain Yang Menunjukkan Penularan Setempat (Macau, Chinese Taipei, Malaysia (kecuali Sabah, Sarawak dan Labuan), Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Vietnam)

- a. Warga Perkhidmatan Awam dinasihatkan untuk **menangguhkan** dari membuat perjalanan **yang tidak penting** ke negara-negara di bawah **Kategori B dan C**.
 - b. Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang kembali dari negara-negara di bawah **Kategori B dan C** hendaklah melaksanakan **pemantauan diri (self-monitoring) selama 14 hari tanpa perlu mengasingkan diri daripada orang lain** dan mereka masih dikehendaki untuk bertugas seperti biasa selepas tiba balik di Negara Brunei Darussalam. Jika mereka mempunyai simptom-simptom demam panas atau tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk, selesema dan susah bernafas, mereka perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera di pusat-pusat kesihatan.
2. Warga Perkhidmatan Awam dinasihatkan untuk **mengelakkan** dari keluar negeri pada musim cuti persekolahan yang akan menjelang tidak lama lagi dan untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghindari sebarang risiko jangkitan pada masa ini.
3. Walau bagaimanapun, warga Perkhidmatan Awam yang menghadiri mesyuarat, seminar dan seumpamanya atau berkunjung ke luar negeri adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berwaspada ketika berada di luar negeri seperti berikut:
- i. Menjaga kesihatan;
 - ii. Menjaga kebersihan diri (*Personal Hygiene*);
 - iii. Mengelakkan tempat-tempat yang sesak; dan
 - iv. Jika sakit semasa di luar negeri, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan.



4. Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang gagal mematuhi arahan kuarantin dan pengasingan diri (*self-isolation*) yang boleh membahayakan orang ramai maka pihak yang berwajib akan mengambil tindakan undang-undang menurut peraturan yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.
5. Badan-Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) dikehendaki untuk menggunapakai Garis Panduan Langkah Persediaan dan Pencegahan Jangkitan Coronavirus (COVID-19) Bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang terkandung dalam Surat Keliling ini.
6. Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Jimat Air Amalan Mulia"

Dengan hormat

[PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]

Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (5) JPM/SK/2020
Tarikh : 12 Rejab 1441 / 07 Mac 2020

